

Masih 'hijau' tetapi kaya pengalaman



Kelab Koir UniPutra mengiringi persembahan Jaclyn Victor pada Konsert Kenangan Sudirman 2012.

berupaya menyanyi dengan baik walaupun tidak mahir pada awal penyertaan.

Sertai pertandingan

Katanya, ahli kelab berkenaan mengamalkan semangat kerja berpasukan, termasuk saling bertukaran pendapat untuk memantapkan persembahan, sekali gus meng-

eratkan hubungan sesama mereka.

Beliau berkata, Kelab Koir UniPutra yang mempunyai 30 ahli aktif juga berpengalaman menyertai beberapa pertandingan, termasuk pada Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) 2012 mereka berjaya meraih hadiah sagu-

hati. "Penyerta-an itu menjadi pengalaman berharga dan dorongan untuk kami terus berkarya. Di samping itu, kami turut mempelajari selok-belok penganjuran pertandingan koir yang dimanfaatkan untuk mengendalikan Festival Koir Antara Kolej di UPM," katanya.

diaan, beliau berkata, mereka mengadakan latihan dari jam 8 hingga 11 malam pada setiap Selasa, selain menjalani latihan harian secara intensif menjelang suatu pertandingan atau persembahan.

"Kami beruntung mendapat bimbingan guru vokal, Siti Hajar Ismail, yang terkenal dengan jolokan 'Cikgu Siti' dalam kalangan peminat program Akademi Fantasia.

Pelbagai teknik nyanyian

"Beliau mengajar kami pelbagai teknik nyanyian mengikut kesesuaian vokal masing-masing bagi mem-

bentuk keharmonian ketika menyampaikan sesebuah lagu.

"Antara lagu yang sering dinyanyikan ketika sesi latihan ialah Tanah Pusaka, Lenggang Kangkung dan koleksi lagu kumpulan Mendua serta Allahyarham Datuk Sudirman," katanya ketika ditemui di UPM di sini, baru-baru ini.

Melalui Kelab Koir UniPutra, Nur Fatehah berkata, ahli berpeluang mendalami ilmu muzik, termasuk dari segi penguasaan vokal, notasi dan skor muzik, malah ada kalangan mereka yang akhirnya

Walaupun boleh dianggap sebagai masih 'hijau', Kelab Koir UniPutra sudah berpengalaman menjayakan persembahan besar seperti menjadi penyanyi latar Jaclyn Victor pada Konsert Kenangan Sudirman 2012 dan Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada tahun yang sama.

Presidennya, Nur Fatehah Arif, berkata sejak aktif empat tahun lalu, kelab itu menerima banyak undangan daripada pihak di dalam mahupun di luar kampus Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sehubungan dengan itu bagi memantapkan perse-



Kelab Koir UniPutra ketika menjayakan persembahan pada Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2012.



Kelab Koir UniPutra menyertai MAKUM 2012.

